

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK  
(TANJONG)**

**TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan ingin mengotakan janjinya lagi dengan mewujudkan serta melaksanakan sistem monorel di Pulau Pinang selepas siapnya projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang baru-baru ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kerajaan tiada rancangan untuk melaksanakan Sistem Monorel di Pulau Pinang. Keputusan ini dibuat berikutan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 April 2008 dan hasil Kajian Pelan Induk Pengangkutan di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan tetap memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk mengatasi masalah pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Sehubungan itu, bagi menambah baik sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang, Syarikat Prasarana Negara Berhad melalui anak syarikatnya Rapid Penang yang telah beroperasi sejak tahun 2007 telah menambahbaik perkhidmatan mereka agar isu masalah kesesakan jalan raya dan kemudahan pengangkutan awam di Pulau Pinang dapat diselesaikan. Pada masa kini, Rapid Penang mempunyai 316 buah bas untuk 46 laluan perkhidmatan. Di samping itu, bagi tahun 2014, Rapid Penang dijangka akan menambah 200 buah bas lagi secara berperingkat-peringkat sebagai langkah bagi menambahbaik perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Kerajaan Persekutuan juga akan melaksanakan projek Naik Taraf Bayan Lepas Expressway Daripada Batu Maung Ke Jambatan

Pulau Pinang untuk mengatasi masalah penyuraian trafik dari Jambatan Kedua Pulau Pinang atau Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah supaya pengguna jambatan tersebut dapat menggunakan kemudahan tersebut dengan lebih selesa.

Selain itu, SPAD juga telah menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara (Rancangan Induk Negara) sebagai rujukan untuk perancangan pengangkutan awam di seluruh negara. Rancangan Induk Negara ini juga bertujuan untuk menyokong usaha Malaysia ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan menyediakan transformasi pengangkutan awam darat berimpak tinggi. Rancangan tersebut menyediakan strategi yang komprehensif bagi mencapai visi untuk menjadikan pengangkutan awam darat sebagai pilihan mobiliti rakyat menjelang tahun 2030. Bagi Pulau Pinang, penelitian sedang dibuat oleh SPAD untuk menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri supaya sejajar dengan Rancangan Induk Negara tersebut.